


Dikeluarkan oleh:  
Sekretariat Sabah Maju Jaya (SSMJ)



## **SOALAN LAZIM (FAQ) PROGRAM SENTUHAN KASIH RAKYAT TAHUN 2025**

### **PENGENALAN**

#### **1. S: Apakah Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah?**

**J:** Program ini adalah selaras dengan pengumuman pembentangan Belanjawan 2025 Negeri Sabah yang telah disampaikan oleh Menteri Kewangan dalam Dewan Undangan Negeri Sabah yang lalu mengenai inisiatif pembasmian kemiskinan dengan pelaksanaan Program Sentuhan Kasih Rakyat iaitu pemberian bantuan tunai khas RM 300 setiap bulan kepada golongan miskin dan miskin tegar di negeri ini bagi tempoh satu (1) tahun sehingga 31 Disember 2025.

#### **2. S: Siapakah yang layak menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat?**

**J: Golongan yang layak menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat 2025 adalah seperti yang berikut;**

- Kriteria asas**

- Individu berumur 18 tahun ke atas sebelum 31 Disember 2024 (perlu memenuhi semua kriteria berikut)
  - Warganegara Malaysia; dan
  - Beralamat dan bermastautin di negeri Sabah sekurang-kurangnya satu (1) tahun; dan
  - Pemegang Kad Pengenalan berstatus 'H'.

- **Serta memenuhi salah satu kriteria berikut**
  - b. Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus miskin atau miskin tegar di dalam pangkalan data eKasih setakat 31 Disember 2024; **atau**
  - c. Ketua Isi Rumah (KIR) yang tercicir daripada sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)\*.

**Bagi kategori miskin**

- i. Ketua Isi Rumah sahaja (seorang penerima); **atau**

**Bagi kategori miskin tegar**

- ii. Ketua Isi Rumah (KIR) dan pasangan. Sekiranya tidak mempunyai pasangan, salah satu Ahli Isi Rumah layak sebagai penerima; **atau**
- iii. Ketua Isi Rumah (KIR) dan pasangan serta satu (1) Ahli Isi Rumah/ anak di bawah tanggungan berumur 18 tahun ke atas bagi kategori miskin tegar sekiranya penerima di para (c.ii) masih di bawah paras kemiskinan tegar walaupun telah menerima bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat.

**Penerima yang berkelayakan perlu memenuhi kesemua syarat kelayakan dalam para (a) dan memenuhi salah satu syarat kelayakan sama ada perkara (b) atau (c).**

\*Nota : Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Isi Rumah miskin bagi Negeri Sabah ialah isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM 2,742 dengan nilai per kapita RM 671 setiap individu. Manakala miskin tegar pula didefinisikan sebagai isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM1,218.00 dengan nilai per kapita RM288 setiap individu.

| <b>Miskin Tegar (RM)</b> |                   | <b>Miskin (RM)</b> |                   |
|--------------------------|-------------------|--------------------|-------------------|
| <b>Isi Rumah</b>         | <b>Per Kapita</b> | <b>Isi Rumah</b>   | <b>Per Kapita</b> |
| <b>1,218</b>             | <b>288</b>        | <b>2,742</b>       | <b>671</b>        |

### 3. S: Apakah tujuan bantuan ini?

- i. Meringankan beban kewangan penerima, khususnya untuk mendapatkan keperluan asas;
- ii. Membantu golongan yang memerlukan supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih wajar;
- iii. Mengurangkan kadar kemiskinan tegar di negeri Sabah selaras dengan agenda nasional; dan
- iv. Sebagai tanda prihatin dan kasih kerajaan kepada golongan rakyat dan agihan mengikut keutamaan.

## PENGAGIHAN

### 4. S: Bilakah agihan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2025?

J: Fasa pengagihan adalah seperti berikut:

| Fasa                            | Kategori   | Pengagihan                                |
|---------------------------------|--|---|
| <b>Fasa 1*</b><br>Januari – Mac | <b>Mempunyai akaun bank</b><br>dikreditkan terus ke dalam akaun bank | Februari 2025<br>Bermula 19 Februari 2025 |
|                                 | <b>Tiada akaun bank</b><br>Pembayaran secara tunai                   | Februari - Mac 2025                       |
| <b>Fasa 2</b><br>April – Jun    | <b>Mempunyai akaun bank</b><br>dikreditkan terus ke dalam akaun bank | April 2025                                |
|                                 | <b>Tiada akaun bank</b><br>Pembayaran secara tunai                   | April dan Mei 2025                        |
|                                 | <b>Senarai bukan eKasih**</b>  | Mei 2025<br>(secara berperingkat)         |

| Fasa                         | Kategori   | Pengagihan                 |
|------------------------------|--|----------------------------|
| Fasa 3<br>Julai – September  | <b>Mempunyai akaun bank</b><br>dikreditkan terus ke dalam akaun bank | Ogos 2025                  |
|                              | <b>Tiada akaun bank</b><br>Pembayaran secara tunai                   | Ogos dan September 2025    |
| Fasa 4<br>Oktober - Disember | <b>Mempunyai akaun bank</b><br>dikreditkan terus ke dalam akaun bank | Oktober 2025               |
|                              | <b>Tiada akaun bank</b><br>Pembayaran secara tunai                   | November dan Disember 2025 |

\* Nota: Penerima bagi Fasa 1 adalah golongan miskin tegar dan miskin dalam pangkalan data eKasih setakat 31 Disember 2024.

\*\* Nota: Permohonan yang diterima pada 1 hingga 31 Januari 2025 (**bukan senarai eKasih**) akan diproses pada Februari hingga April 2025. Agihan bagi penerima yang layak bermula pada bulan Mei 2025.

##### 5. S: Bagaimana kaedah saluran bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2025 dilaksanakan?

J: Kaedah pembayaran adalah seperti yang berikut

- v. Bantuan akan disalurkan terus ke akaun bank penerima; atau
- vi. Bayaran akan diberikan secara tunai; atau
- vii. Bayaran akan dikreditkan dalam e-Wallet YONO.

##### 6. S: Berapakah amaun bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2025 yang akan diterima oleh penerima?

J: Kadar bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2025 adalah sama bagi setiap penerima iaitu RM300 sebulan. Amaun bantuan yang akan diterima adalah secara berfasa. Amaun bantuan bagi setiap fasa adalah seperti berikut:

| Fasa                         | Amaun Bantuan | Agihan bermula |
|------------------------------|---------------|----------------|
| Fasa 1<br>Januari – Mac      | 900.00        | Februari       |
| Fasa 2<br>April – Jun        | 900.00        | April          |
| Fasa 3<br>Julai – September  | 900.00        | Ogos           |
| Fasa 4<br>Oktober - Disember | 900.00        | Oktober        |

- 7. S: Pada Januari 2025, saya telah membuat permohonan baharu bagi Program Sentuhan Kasih Rakyat Tahun 2025 dan permohonan tersebut telah lulus. Berapakah amaun bantuan yang akan diterima?**

**J:** Bagi penerima dari senarai tercicir (bukan eKasih) dan disahkan lulus, pembayaran akan bermula pada Fasa 2 (Mei 2025). Penerima akan menerima bayaran pada Fasa 2 sebanyak RM900 diikuti dengan bayaran RM900 bagi Fasa 3 dan RM900 bagi Fasa 4. Ini bermaksud tiada tunggakan agihan dibuat untuk Fasa 1.

- 8. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status agihan ke dalam akaun?**

**J:** Status Program Sentuhan Kasih Rakyat boleh disemak di laman web <https://sukur.sabah.gov.my/> atau YONO Superapp.

- 9. S: Bagaimanakah kaedah untuk mengetahui sekiranya bantuan telah dikreditkan ke dalam akaun?**

**J:** Notifikasi pembayaran melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) akan dihantar kepada nombor telefon penerima setiap kali agihan dilaksanakan.

**10.S: Bagaimanakah kaedah permohonan bagi Program Sentuhan Kasih Rakyat Tahun 2025?**

J: Permohonan melalui Pejabat Daerah/ UPPM telah ditutup pada 31 Januari 2025. Bagi permohonan yang telah dibuat melalui Pejabat Daerah/UPPM, pemohon boleh mengemas kini maklumat di dalam Sistem Pangkalan Data Negeri Sabah (PADANS) melalui pautan <https://padans.sabah.gov.my/>.

**11.S: Apakah inisiatif bagi mengenal pasti penerima yang tercicir/ tinggal di pedalaman dan tidak mempunyai akses kepada pejabat daerah/sistem permohonan?**

J: Individu boleh kemukakan aduan kepada Ketua Kampung/ JKKK kemudian terus diserahkan kepada pegawai MySMJ: Profiler Daerah bagi tujuan verifikasi dan mencepatkan proses.

**12. S: Siapakah yang boleh dihubungi untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah Tahun 2025?**

- i. Hotline Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah: [ Talian Telefon: 088 338 338 atau Talian Whatsapp : 010 – 5828207 ];
- ii. Laman web rasmi Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah. <https://padans.sabah.gov.my/>; atau
- iii. MySMJ Profiler Daerah di Pejabat Daerah

**13.S: Saya layak untuk menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat, adakah dibolehkan sekiranya saya menggunakan akaun bank individu lain untuk terima bantuan tersebut?**

J: Sebarang transaksi hanya akan dilakukan kepada akaun bank penerima yang layak sahaja. Penggunaan akaun individu lain adalah tidak dibenarkan.

**14. S: Saya merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada tahun 2025. Adakah saya layak untuk menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat?**

J: Sumbangan Tunai Rahmah dan Program Sentuhan Kasih Rakyat adalah dua (2) program yang berbeza. Syarat kelayakan adalah tertakluk kepada soalan nombor 2 di atas.

**15. S: Apakah perbezaan antara Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Program Sentuhan Kasih Rakyat?**

J: Perbezaan antara Program Sentuhan Kasih Rakyat, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) adalah seperti yang berikut;

| Program         | Sumbangan Tunai Rahmah       | Sumbangan Asas Rahmah                           | Program Sentuhan Kasih Rakyat   |
|-----------------|------------------------------|---|---|
| Kumpulan Sasar  | Golongan B40 dan M40         | Miskin dan Miskin Tegar eKasih                  | Miskin dan Miskin Tegar eKasih/bukan eKasih                                     |
| Jenis Bantuan   | Tunai                        | Tanpa Tunai (Pembelian Barang Asas)             | Tunai   |
| Cara Penyaluran | Tunai ke akaun bank/Tunai    | Bulanan/Dua kali setahun                        | Tunai ke akaun bank/Tunai   |
| Pelaksana       | Kerajaan Persekutuan         | Kerajaan Persekutuan                            | Kerajaan Negeri   |
| Tujuan Utama    | Meringankan beban sara hidup | Memenuhi keperluan asas miskin dan miskin tegar | Meringankan beban kewangan penerima, khususnya untuk mendapatkan keperluan asas |